

KETETAPAN ANAK-ANAK WARIS

Kerapatan pecat Datuk Abu Zarim

LINGGI, Ahad — Anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada Perut Pengkalan, Solok dan Hilir hari ini mencapai kebulatan untuk memecat Datuk Abu Zarim Haji Mulop daripada menyandang pesaka Datuk Muda Linggi.

Keputusan itu dicapai dalam kerapatan adat yang dihadiri oleh kira-kira 100 orang anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut berkenaan di Sekolah Menengah Linggi di sini pagi tadi. Hadir sama ialah wakil-wakil ketua adat Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Datuk Abu Zarim bagaimanapun tidak hadir dalam kerapatan itu, yang dipengerusikan oleh Waris Nan Tertua Waris Datuk Muda Linggi Ismail Ambia.

Encik Ismail selaku jurucakap anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut berkenaan berkata, enam sebab pemecatan Datuk Abu Zarim seperti yang diputuskan oleh kerapatan itu ialah:

Oleh BUSTAMAM AHMAD

- Campur tangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10. Aturan adat Luak itu tidak membenarkan penyandang pesaka Datuk Muda Linggi berbuat demikian.

- Berusaha menjadikan Linggi sebagai kawasan 'Tanah Mengandung' sedangkan Linggi sebenarnya adalah sebahagian daripada Luak Sungai Ujong. Pentadbiran adat di kawasan 'Tanah Mengandung' adalah mengikut bidang kuasa Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

- Meninggalkan kawasan Linggi, yang dianggap sebagai satu kesalahan di segi aturan adat.

- Tidak pernah menghadiri istiadat perkahwinan anak-anak buahnya sekalipun beliau diundang.

- Gagal menyatupadukan anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut dan

- Menganggap pesaka Datuk Muda Linggi sebagai hak peribadinya dan bukannya hak mutlak anak-anak Waris.

Dalam kenyataan kepada *Berita Harian* Encik Ismail berkata, kerapatan itu juga melantik jawatankuasa khas seramai 10 orang untuk menjalankan urusan pentadbiran adat di kawasan Linggi ekoran pemecatan Datuk Abu Zarim.

Bellau, selaku pengerusi jawatankuasa itu menambah antara tindakan susulan yang akan dijalankan termasuk menyebarkan keputusan pemecatan Datuk Abu Zarim kepada Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong Shahari Haji Hassan.

"Kami berharap dapat menyebarkan keputusan untuk memecat Datuk Abu Zarim ini kepada Datuk Shahbandar Shahari dengan secepat mungkin supaya ia dapat disahkan," katanya.

Datuk Abu Zarim adalah antara lima ketua adat yang terbabit dalam isu menyebarkan memorandum kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan di Istana Besar Seri Menanti pada 8 Mac lalu.